

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB) (PINDAAN 2025)

Tarikh: 2 Januari 2026

**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**



ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

Pendahuluan	3
Latar Belakang	3
TAFSIRAN – Subseksyen 2 (1) Akta 105	4
Skop Pendaftaran	5
Rujukan	6
Piagam Pelanggan	6
Fi Pendaftaran	6
Syarat-Syarat Pendaftaran	6
Tempoh Sah Pendaftaran	7
Permohonan Pendaftaran	7
Kehilangan,Musnah/Kerosakan Salinan Perakuan Pendaftaran Atau Pembaharuan Pendaftaran	9
Kesalahan Tidak Berdaftar	8
Jadual Pertama [seksyen 2] Takrif kayu	10
Lampiran I - Pendaftaran sebagai Pengesport	12
Lampiran II - Pendaftaran sebagai Pembekal	13
Lampiran III - Pendaftaran sebagai Pemeringkat	14
Lampiran IV - Pendaftaran sebagai Pemproses	15
Lampiran V - Pendaftaran sebagai Penedali Jeti	16
Lampiran VI – Pendaftaran sebagai Pengimport	17
Lampiran VII – Pendaftaran sebagai Pedagang	18
LampiranVIII – Pendaftaran sebagai Pengendali	19

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN

1. PENDAHULUAN

1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada semua pelanggan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang memohon untuk menjalankan aktiviti di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai:-

- (i) Pengeksport;
- (ii) Pembekal;
- (iii) Pemproses;
- (iv) Pengendali Jeti;
- (v) Pemeringkat;
- (vi) Pengimport;
- (vii) Pedagang; atau
- (viii) Pengendali;

1.2 Menjalankan aktiviti di Sabah sebagai:-

- (i) Pemproses;
- (ii) Pemeringkat;
- (iii) Pedagang; atau
- (iv) Pengendali

2. LATAR BELAKANG

2.1 Subseksyen 13 (1) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105] menyatakan bahawa *“Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti sebagai pengeksport, pengimport, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang, pengendali atau pengendali jeti melainkan jika dia telah didaftarkan mengikut Akta ini”*.

2.2 Subseksyen 14 (1) Akta 105 menyatakan bahawa *“Sesuai permohonan bagi pendaftaran di bawah Akta ini hendaklah dibuat kepada Lembaga.”*

2.3 Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan)(Pendaftaran) 2023 menetapkan bagi lapan (8) aktiviti iaitu pengeksport, pengimport, pengendali, pembekal, pemeringkat, pemproses, pedagang atau pengendali jeti secara bertulis atau dalam talian dalam borang yang ditentukan oleh MTIB.

3. TAFSIRAN –Subseksyen 2 (1) Akta 105

Pengeksport	- Seseorang yang mengeksport kayu.
Pengimport	- Seseorang yang mengimport kayu.
Pembekal	- Seseorang yang membekalkan kayu bagi maksud eksport.
Pemeringkat	- Seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah bagi memeringkat kayu yang digergaji, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemeringkatan.
Pemproses	- Seseorang yang menjalankan perniagaan mengering tanur atau mengawet kayu.
Pedagang	- Seseorang yang menjalankan perniagaan, menjual, memperdagangkan, mengagih atau memasarkan kayu bagi maksud pasaran dalam negeri.
Pengendali	- Seseorang yang memegang suatu perakuan kelayakan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga untuk mengendalikan loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya.
Pengendali Jeti	- Seseorang yang mengendalikan sesuatu jeti yang terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan pengeksportan atau pengimportan kayu.
Pengangkutan	- Pengangkutan(Pemindahan) kayu dari Sabah ke Semenanjung Malaysia atau ke Wilayah Persekutuan Labuan, atau dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, atau dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Sabah.(rujuk peraturan-peraturan kastam 2019)
Jeti	- sesuatu yad yang darinya kayu boleh dipindahkan secara terus untuk dikapalkan dengan segera tanpa perlu disimpan di suatu yad lain.
Yad	- mana-mana kawasan atau tempat yang digunakan bagi menyamak, memeriksa, mengeringkan, menjual, menyimpan, mengemas siap, mengawet atau membendela kayu, dan termasuklah mana-mana kawasan, tempat atau premis yang kayu, yang dimaksudkan untuk digunakan dalam mengilang apa-apa artikel atau dalam pembinaan apa-apa bangunan atau struktur, dikeringkan, diawetkan atau ditawarkan untuk dijual.

4. SKOP PENDAFTARAN

- (i) Pengeksport, Pembekal, Pengimport
Meliputi kayu yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta 105.
- (ii) Pemproses
Menjalankan perniagaan mengering tanur atau mengawet kayu.
- (iii) Pengendali Jeti
 - a) Perkhidmatan pergudangan yang mengendalikan khidmat *stuffing*, pemunggahan serta yang berkaitan;
 - b) Kilang pengeluaran premis syarikat;
 - c) Pusat pemeriksaan setempat;
 - d) Gudang komersil di Pelabuhan;
 - e) Jeti persendirian;
 - f) Mana-mana jeti / yad yang ditafsirkan di bawah subseksyen 2(1) Akta 105
- (iii) Pemeringkat
Menjalankan pemeringkatan kayu yang digergaji, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa pemeringkatan.
- (iv) Pengendali
Menjalankan pengendalian loji mengawet kayu, loji mengering tanur kayu atau kedua-duanya.
- (v) Pedagang
 - a) Syarikat yang melakukan Pengangkutan;
 - b) Syarikat yang mendapat insentif/bantuan/pinjaman daripada MTIB atau MTC;
 - c) Syarikat yang menjalankan aktiviti mengilang, mengeluarkan, menjual dan menyimpan produk kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri;
 - d) Syarikat yang menjalankan aktiviti membeli, menjual dan menyimpan produk kayu bagi tujuan pasaran dalam negeri;
 - e) Syarikat yang menjalankan aktiviti pengimportan kayu dan bagi tujuan pasaran dalam negeri;
 - f) Syarikat yang menjalankan aktiviti pengimportan perabot kayu dan berasaskan kayu tanpa kilang di dalam negeri dan berdaftar dengan MTIB sebagai pembekal;
 - g) Pengusaha produk gaharu atau pati minyak gaharu secara inokulasi/pelbagai kaedah bagi tujuan komersial ke atas pokok karas yang tanah dan pokok bukan milik pemohon; atau
 - h) Pemegang lesen perniagaan yang sah dari mana-mana agensi kerajaan mahupun pihak berkuasa tempatan yang berkaitan perdagangan kayu atau produk kayu.

5. RUJUKAN

- i) Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 (Akta 105).
- ii) Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pendaftaran) 2023.

6. PIAGAM PELANGGAN

- i) Memastikan permohonan pendaftaran baharu diluluskan dalam tempoh **3 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima**; dan
- ii) Memastikan permohonan pembaharuan pendaftaran diluluskan dalam tempoh **2 hari bekerja daripada tarikh permohonan lengkap diterima**.

7. FI PENDAFTARAN

- 7.1 Jadual Pertama Peraturan-peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan)(Pendaftaran) 2023.

Jadual Pertama - Kadar Fi / Setahun

BIL	JENIS PENDAFTARAN	BARU (RM)	PEMBAHARUAN (RM)
1.	Pengeksport Kayu (T/E)	300	200
2.	Pembekal Kayu (T/S)	300	200
3.	Pemproses Kayu (T/P)	300	200
4.	Pengendali Jeti (T/J)	300	200
5.	Pemeringkat Kayu (T/G)	50	50
6.	Pengimport (T/I)	300	200
7.	Pengendali (T/O)	50	50
8.	Pedagang (T/T)	50	50

8. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

- 8.1 Pemohon merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau sebuah perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta197].
- 8.2 Pemohon merupakan sebuah syarikat yang tidak digulungkan atau dalam proses penggulungan/perniagaan masih wujud dan semua pengarahnya/pemilik bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses kebangkrutan.

- 8.3 Pemohon individu (Pemeringkat dan Pengendali) bukanlah seorang yang bankrap atau dalam proses kebangkrapan.
- 8.4 Permohon hendaklah membuat bayaran fi pendaftaran dan melampirkan salinan bukti pembayaran.
- 8.5 Pemohon hendaklah memajukan dokumen-dokumen seperti di lampiran berikut:-
- (i) Pengeksport – Lampiran I
 - (ii) Pembekal – Lampiran II
 - (iii) Pemeringkat – Lampiran III
 - (iv) Pemproses – Lampiran IV
 - (v) Pengendali Jeti – Lampiran V
 - (vi) Pengimport – Lampiran VI
 - (vii) Pedagang – Lampiran VII
 - (viii) Pengendali – Lampiran VIII
- 8.6 Semua permohonan bagi pembaharuan pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh 60 hari sebelum tarikh luput dan disertai dengan fi pembaharuan yang berkuatkuasa. Permohonan selepas tarikh tamat tempoh perlu membuat permohonan pendaftaran baharu.


9. TEMPOH SAH PENDAFTARAN

- 9.1 Tempoh sah pendaftaran adalah satu (1) hingga lima (5) tahun kecuali pemeringkat dan pengendali kayu.


10. PERMOHONAN PENDAFTARAN

- 10.1 Permohonan pendaftaran untuk menjalankan lima (5) aktiviti sebagai pengeksport, pembekal, pemeringkat, pemproses dan pengendali jeti hendaklah dimohon secara atas talian di Sistem MCS (<https://mcs4.mtib.gov.my/mcs>) seperti di **Rajah 1**. Manakala pendaftaran bagi tiga (3) aktiviti iaitu pengimport, pedagang dan pengendali hendaklah dimohon dengan mengisi Borang Permohonan secara manual yang boleh diperoleh di laman sesawang MTIB
<https://www.mtib.gov.my/perkhidmatan/pendaftaran/panduan.htm> seperti di **Rajah 2**.

Rajah 1: MTIB Core System (MCS)




Rajah 2: Borang Permohonan secara manual



- 10.2 Pemohon perlu mengemukakan dokumen permohonan lengkap beserta fi pendaftaran (rujuk 7.1). Sekiranya pemohon tidak melengkapkan dokumen permohonan dalam tempoh tiga (3) bulan, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik, jika itu berlaku fi permohonan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan. MTIB berhak untuk menolak permohonan pendaftaran sekiranya tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.

10.3 Carta Alir Proses Pendaftaran seperti di Rajah 3.

Rajah 3: Carta Alir Proses Pendaftaran



*BPI: Bahagian Pembangunan Industri

10.4 Jika terdapat sebarang pertanyaan berkenaan proses dan prosedur pendaftaran, sila hubungi:

Seksyen Pendaftaran
Bahagian Pelesenan dan Inspektorat
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 13-17, Menara PGRM
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9282 2235
Faks: 03-9285 1744
Emel: mcshehelp@mtib.gov.my

11. KEHILANGAN, MUSNAH/KEROSAKAN SALINAN PERAKUAN PENDAFTARAN ATAU PEMBAHARUAN PENDAFTARAN

Sekiranya Sijil Perakuan Pendaftaran atau pembaharuan pendaftaran hilang, musnah atau rosak, bayaran fi **sebanyak RM50.00 akan dikenakan kepada pemohon bagi pengeluaran Salinan Perakuan Pendaftaran baharu** selaras Peraturan-Peraturan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pendaftaran) 2023.

12. KESALAHAN TIDAK BERDAFTAR

Mana-mana syarikat / orang yang tidak berdaftar adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan di Mahkamah, boleh didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit (RM 250,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

13. KUASA KETUA PENGARAH

Semua keputusan Ketua Pengarah MTIB berkenaan rayuan permohonan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran adalah muktamad.

Jadual Pertama
[seksyen 2] Takrif kayu

<i>Bil</i>	<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
1.	Tumbuhan dan bahagian tumbuhan daripada jenis yang digunakan terutamanya dalam proses membuat minyak wangi atau farmasi berasaskan kayu gaharu (<i>Aquilaria spp.</i>) atau kayu Cendana	1211.90 200, 1211.90 300, 1211.90 900
2.	Buluh	1401.10
3.	Rotan	1401.20
4.	Minyak Gaharu	3301.90 100
5.	Sisa kayu, kayu api, serpai kayu atau partikel kayu, habuk gergaji dan serpihan	44.01
6.	Kayu arang	44.02
7.	Balak bulat (termasuk kayu bulat dan kayu jaras) dan balak segi empat sama atau separuh segi empat sama kasar	44.03
8.	Kayu yang dipotong rata secara kasar, kayu gelang, kayu jaras belah, cerucuk tajam dan pancang	44.04
9.	Kayu kisar (kayu tatal, tepung kayu)	4405.00
10.	Kayu landasan keretapi atau trem (pengikat silang)	44.06
11.	Kayu gergaji dan kayu berketam	44.07
12.	Venir	44.08
13.	Kayu kumai, kayu berlamina	44.09
14.	Keluaran kayu terbentuk semula (contohnya papan partikel/papan serpai, papan wafer, papan tatal, papan bebenang terhala dan keluaran biokomposit)	44.10
15.	Papan gentian (contohnya papan gentian ketumpatan sederhana, papan penebatan, papan gentian keras dan keluaran biokomposit)	44.11
16.	Papan lapis, panel venir, kayu berlamina yang serupa, (contoh: papan bungkah, papan lamin dan papan baten)	44.12
17.	Kayu tumpat	4413.00 000

<i>Bil</i>	<i>Keluaran Kayu</i>	<i>Pengharmonian Sistem Pemerihalan dan Pengekodan Komoditi</i>
18.	Bingkai kayu	4414.00 000
19.	Kotak simpan barang, kotak, pak, tong dram dan pembungkus lain yang serupa, gelendong kabel, palet, palet kotak dan papan muatan yang lain, kolar palet, yang diperbuat daripada kayu	44.15
20.	Tong kayu, tahang, tong wain, tab dan keluaran lain pembuat tong dan bahagian lain yang diperbuat daripada kayu, termasuk pemegangnya	4416.00 000
21.	Alat, penyapu dan berus badan serta pemegang	4417.00 000
22.	Pertukangan tanggam dan pertukangan kayu, termasuk panel kayu bersel, panel parket terpasang, sirap/genting kayu dan rekah	44.18
23.	Pinggan mangkuk dan perkakas dapur, yang diperbuat daripada kayu	4419.00 000
24.	Corak tatahan kayu dan kayu bertatah; keranda, kotak bagi barang kemas atau pisau, sudu, garpu, dan barang serupa itu yang diperbuat daripada kayu; patung kayu dan barang perhiasan kayu yang lain; barang perabot kayu yang tidak termasuk di bawah Perintah Duti kastam 2007 [P.U. (A) 441/2007]	44.20
25.	Barangan kayu yang lain	44.21
26.	Pulpa kayu	47.01, 47.02, 47.03, 47.04, 47.05, 47.06
27.	Tempat duduk diperbuat daripada rotan, osier, buluh atau bahan yang serupa; tempat duduk lain, dengan rangka kayu; upholsteri; tempat duduk lain	9401.51 000, 9401.59 000, 9401.61 000, 9401.69 000
28.	Jenis perabot kayu yang digunakan di pejabat, di dapur dan di bilik tidur; perabot kayu yang lain; <i>walker</i> untuk bayi; almari wasap untuk kegunaan di makmal perubatan; perabot kayu lain	9403.30 000, 9403.40 000, 9403.50 000, 9403.60 100, 9403.60 200, 9403.60 900, 9403.81 100, 9403.81 200, 9403.81 300, 9403.81 900, 9403.89 100, 9403.89 200, 9403.89 300, 9403.89 900
29.	Bangunan pasang siap, diperbuat daripada kayu	9406.00 200

Pendaftaran Baharu & Pembaharuan Sebagai Pengeksport

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvency Malaysia; 3. Pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; 4. Pemohon mengemukakan salinan lesen kilang yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika pemohon tidak memiliki kilang, salinan perjanjian bekalan kayu antara pemohon itu dengan pembekal yang berdaftar dengan MTIB;** 5. Syarat modal berbayar bagi pengeksport adalah seperti berikut: i. <u>Syarikat Sdn Bhd</u> a) Malaysia - sama ada memiliki/ menyewa/ tiada kilang: Modal berbayar sekurang-kurangnya RM50,000 ATAU Salinan Penyata Akaun Bank 3 bulan terkini (berturut-turut) dengan purata baki sekurang-kurangnya RM50,000 yang disahkan oleh pihak bank. b) Milikan Asing - memiliki atau menyewa kilang (wajib lampirkan bukti pemilikan/penyewaan kilang) Modal berbayar sekurang-kurangnya RM250,000.00. ii. <u>Syarikat Milikan Tunggal/Perkongsian</u> Salinan Penyata Akaun Bank 3 bulan terkini (berturut-turut) dengan purata baki sekurang-kurangnya RM5,000 yang disahkan oleh pihak bank. 6. Mengemukakan sijil keahlian dengan mana-mana persatuan yang diiktiraf dibawah Akta 105 (Jadual Ketiga); 7. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali); dan

8. Dokumen sokongan yang membuktikan alamat terkini syarikat. Contohnya salinan bil utiliti alamat terkini premis syarikat dan lain-lain (dikecualikan bagi Pemeringkat dan Pengendali)

SYARAT-SYARAT

- i. Permohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian di pautan <http://mcs4.mtib.gov.my/mcs>.
- ii. Kayu yang akan dieksport dibekalkan oleh pembekal yang berdaftar dengan MTIB.
- iii. Pendaftaran sebagai Pengeksport Balak Tanaman - Pemohon perlu berdaftar sebagai pembekal terlebih dahulu.

*** Perjanjian bekalan kayu boleh merangkumi salah satu dari dokumen sokongan pembekalan seperti berikut:*

- i. lesen kilang;*
- ii. surat sokongan bekalan;*
- iii. invoice,*
- iv. pas pemindah (karas),*
- v. JK69 (import); atau*
- vi. dokumen lain yang berkaitan.*

Pendaftaran Baharu & Pembaharuan Sebagai Pembekal

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvency Malaysia; 3. Pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; 4. Pemohon mengemukakan salinan lesen yang berkaitan dari mana-mana agensi kerajaan yang masih sah, contohnya lesen kilang yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri, salinan lesen pembuatan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) atau Jabatan Kastam DiRaja Malaysia yang masih sah dan lain-lain; 5. Pemohon mengemukakan salinan lesen kilang yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika pemohon tidak memiliki kilang, salinan perjanjian bekalan kayu antara pemohon itu dengan pemilik kilang yang berdaftar dengan MTIB sebagai Pembekal; 6. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali); dan 7. Dokumen sokongan yang membuktikan alamat terkini syarikat. Contohnya salinan bil utiliti alamat terkini premis syarikat dan lain-lain (dikecualikan bagi Pemeringkat dan Pengendali).
SYARAT-SYARAT
8. Permohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian di pautan http://mcs4.mtib.gov.my/mcs. 9. Pemohon membekalkan kayu termasuklah kayu gergaji yang diperingkatkan oleh pemeringkat yang berdaftar dengan MTIB. 10. Kayu yang akan dibekal diperoleh daripada pedagang yang berdaftar dengan MTIB.

Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Sebagai Pemeringkat

DOKUMEN WAJIB
1. Memiliki Sijil Perakuan Kelayakan Memeringkat Kayu (CoC) daripada MTIB; 2. Laporan Kesihatan (Umur 60 tahun ke atas); 3. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) pemohon; dan 4. Salinan carian Status Kebankrapan Individu daripada Jabatan Insolvensi Malaysia;
SYARAT-SYARAT
5. Permohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian di pautan http://mcs4.mtib.gov.my/mcs untuk disemak dan disokong oleh Bahagian Pembangunan Industri MTIB terlebih dahulu. 6. Pemohon hendaklah bermajikan sama ada dengan pengeksport atau pembekal yang berdaftar dengan MTIB, namun begitu permohonan hendaklah dibuat sendiri oleh pemohon. 7. Bagi permohonan pembaharuan pendaftaran, pemeringkat yang telah mencapai umur 60 tahun perlu menjalani saringan kesihatan dari mana-mana hospital atau klinik kerajaan sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Mana-mana pemeringkat yang didapati tidak lulus saringan kesihatan tersebut maka pembaharuan pendaftarannya juga tidak akan diluluskan. 8. Pendaftaran permohonan adalah berdasarkan Kod Gred Pemeringkat Kayu.

Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Sebagai Pemproses

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon Perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvency Malaysia; 3. Pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777]. atau Akta Syarikat 2016 atau Ordinan Pelesenan Perdagangan 1948(Sabah); 4. Pemohon perlu mengemukakan;- a. salinan lesen kilang yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; b. Salinan lesen pengeringan tanur ATAU lesen pengawetan kayu yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri yang masih sah; dan/atau c. Salinan Sijil Perakuan Dandang Setim yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang masih sah; dan/atau d. Salinan Sijil Pengandung Tekanan Tak Berapi yang dikeluarkan oleh JKKP yang masih sah. 5. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali); dan 6. Dokumen sokongan yang membuktikan alamat terkini syarikat. Contohnya salinan bil utiliti alamat terkini premis syarikat dan lain-lain (dikecualikan bagi Pemeringkat dan Pengendali).
SYARAT-SYARAT
7. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian di pautan http://mcs4.mtib.gov.my/mcs 8. Sekiranya kayu yang diproses adalah merupakan kayu untuk pasaran dalam negeri, pemohon hendaklah berdaftar sebagai pedagang terlebih dahulu. 9. Syarikat hendaklah memastikan pekerja yang mengendalikan mesin-mesin Pengawetan dan Pengeringan Tanur berdaftar sebagai Pengendali dengan MTIB.

Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Sebagai Pengendali Jeti

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon Perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvency Malaysia; 3. Pemohon perlu mengemukakan:- a. Salinan surat kebenaran penggunaan jeti persendirian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang masih sah; atau b. Salinan surat kelulusan dari Pelabuhan sekiranya aktiviti didalam kawasan pelabuhan yang masih sah; atau c. Salinan surat kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah. d. Pemohon mengemukakan perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777]. 4. Salinan Lesen Pengendali Jeti di bawah Seksyen 5 (Akta Enakmen Air 146) dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah; 5. Salinan surat kelulusan untuk penggunaan jeti persendirian yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam; 6. Salinan surat kelulusan dari Penguasa Pelabuhan sekiranya beroperasi di sempadan pelabuhan; dan 7. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali);
SYARAT-SYARAT
8. Permohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian di pautan http://mcs4.mtib.gov.my/mcs

Pendaftaran Baharu & Pembaharuan Sebagai Pengimport

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem <i>SSM e-info</i> Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia; 3. Pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197], Akta Perkongsian 1961 [Akta 135] atau Akta Syarikat 2016 [Akta 777]; 4. Permohon hendaklah mengemukakan borang pendaftaran sebagai pengimport termasuk melengkapkan perakuan sumpah; Rujuk Borang Pengimport; 5. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali); dan 6. Dokumen sokongan yang membuktikan alamat terkini syarikat. Contohnya salinan bil utiliti alamat terkini premis syarikat dan lain-lain (dikecualikan bagi Pemeringkat dan Pengendali).
SYARAT-SYARAT
7. Kayu yang akan diimport merupakan kayu yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta 105; 8. Pemohon yang tidak mempunyai kilang perlu berdaftar sebagai Pedagang terlebih dahulu. 9. Sekiranya kayu yang akan diimport adalah untuk pasaran dalam negeri, pemohon hendaklah berdaftar sebagai pedagang terlebih dahulu. 10. Sekiranya kayu yang ingin diimport adalah untuk dieksport semula, pemohon hendaklah berdaftar sebagai Pembekal terlebih dahulu.

Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Sebagai Pedagang

DOKUMEN WAJIB
1. Pemohon perlu mengemukakan carian lengkap profil syarikat (terkini) daripada sistem SSM e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia; 2. Salinan carian Status Penggulangan Syarikat dan Status Kebankrapan Individu semua pengarah syarikat / pemilik perniagaan (yang terkini) daripada Jabatan Insolvensi Malaysia; 3. Pemohon mempunyai perakuan pendaftaran perniagaan yang sah di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian 1961 atau Akta Syarikat 2016 atau Ordinan Pelesenan Perdagangan 1948(Sabah); 4. Pemohon mengemukakan salinan lesen kilang yang dikeluarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika pemohon tidak memiliki kilang, perlu mengemukakan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan; 5. Permohon hendaklah mengemukakan borang pendaftaran sebagai pedagang termasuk melengkapkan perakuan sumpah; 6. Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan/pasport) semua pengarah syarikat (syarikat Sdn. Bhd.) atau pemilik perniagaan dan rakan kongsi (perniagaan milikan tunggal / perkongsian) atau individu (Pemeringkat dan Pengendali); dan 7. Pemohon Pengusahahasilan produk Gaharu/ Pati Minyak Gaharu secara inokulasi/bagi tujuan komersial ke atas pokok Karas yang tanah/ pokok bukan milik pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:- a. Salinan hak milik tanah/ dokumen perjanjian sewaan atau pajakan (jika berkaitan) atau Perjanjian Kerjasama Antara pemohon dan pemilik tanah dan pemilik pokok; b. Salinan surat kelulusan pendaftaran daripada pemilik pokok sebagai penanam pokok Karas yang dikeluarkan oleh MTIB; c. Salinan surat kelulusan pembatalan pendaftaran daripada pemilik pokok sebagai penanam pokok karas yang dikeluarkan oleh MTIB. (Sekiranya kesemua pokok telah ditebang); dan d. Salinan dokumen sumber bekalan anak pokok atau anak benih. Contoh: resit atau inbois pembelian (Jika pokok dibeli dari penanam) (Individu/Syarikat).
SYARAT-SYARAT
8. Pemegang lesen perniagaan yang sah dari mana-mana agensi kerajaan mahupun pihak berkuasa tempatan yang berkaitan perdagangan kayu atau produk kayu.

Pendaftaran Baharu dan Pembaharuan Sebagai Pengendali

DOKUMEN WAJIB	
1.	Mengemukakan Sijil Kelayakan Operator Pengawetan DAN/ATAU Sijil Kelayakan Operator Pengeringan Tanur daripada MTIB;
2.	Laporan Kesihatan (Umur 60 tahun ke atas);
3.	Permohon hendaklah mengemukakan borang pendaftaran sebagai pengendali termasuk melengkapkan perakuan sumpah;
4.	Salinan dokumen pengenalan (kad pengenalan) pemohon; dan
5.	Salinan carian Status Kebankrapan Individu daripada Jabatan Insolvensi Malaysia.
SYARAT-SYARAT	
6.	Bagi permohonan pembaharuan pendaftaran, pengendali yang telah mencapai umur 60 tahun perlu menjalani saringan kesihatan dari mana-mana hospital atau klinik kerajaan sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Mana-mana pengendali yang didapati tidak lulus saringan kesihatan tersebut maka pembaharuan pendaftarannya juga tidak akan diluluskan.